

MODEL KONSEP E-KOMUNITI: KEARAH MERAPATKAN JURANG DIGITAL

**Aeni Zuhana Saidin, Asmidah Alwi, Nassiriah Shaari & Sobihatun Nur Abdul Salam
Universiti Utara Malaysia**

Pengenalan

Penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dilihat sebagai asas dalam pembangunan sosial dan pemangkin ekonomi sesebuah negara di abad ke dua puluh satu ini. Peranannya penting untuk memangkin pertumbuhan ekonomi negara, meningkatkan daya saing dan produktiviti dan seterusnya dipercayai mampu meningkatkan kualiti hidup masyarakatnya (Noor Sharifah, 2002). Kerajaan juga dilihat serius untuk memacu kemajuan negara berteraskan penggunaan ICT dengan menyediakan prasarana dan polisi yang sewajarnya. Pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang kini memasuki fasa kedua dilihat mampu menjadikan Malaysia setanding dengan negara maju yang lain.

Kepesatan pembangunan ICT ini juga secara disedari atau tidak telah mewujudkan jurang digital di kalangan masyarakat. Jurang digital ialah perbezaan yang berlaku terhadap masyarakat yang mampu menguasai dan menggunakan ICT dan masyarakat yang tidak menikmatinya. Pendedahan terhadap ICT dan penggunaannya amat meluas di kalangan masyarakat di bandar-bandar besar di mana terdapatnya infrastuktur ICT yang serba lengkap. Sementara itu, masyarakat di luar bandar kurang mendapat pendedahan kepada perkara tersebut. Ini menyebabkan wujudnya ketidak seimbangan dan jurang dalam pelbagai aspek seperti pengetahuan dalam bidang ICT, pemilikan komputer, akses kepada Internet dan talian komunikasi (Noor Sharifah 2002, Steyaert 2002, Selwyn 2000). Kewujudan jurang digital ini diakui di seluruh dunia namun masih terlalu sedikit kajian yang dilakukan untuk melihat kaedah yang terbaik untuk memahami dan menangani isu ini (Selwyn 2000).

Kewujudan jurang digital sememangnya diakui berlaku di Malaysia. Atas kesedaran ini kerajaan telah mewujudkan Agenda IT negara. Ia ialah asas perjalanan menuju ke arah pembentukan masyarakat maju berasaskan nilai, menekankan kepada kepentingan mencapai matlamat keadilan dan persamaan bagi mencapai maklumat, penciptaan nilai-nilai murni serta pertukaran masyarakat secara kualitatif. Untuk merealisasikan hasrat ini, Rancangan Malaysia ke Lapan (RMK 8) telah menggariskan lima strategi dalam dasar IT negara iaitu E-ekonomi, E-perkhidmatan Awam, E-komuniti, E-pembelajaran dan E-keaulatan. Kertas kerja ini akan membincangkan tentang projek-projek kearah mengurangkan jurang digital yang telah dilaksanakan secara umum dan memfokuskan kepada model cadangan pelaksanaan e-komuniti yang khusus untuk merapatkan jurang digital dikalangan masyarakat Malaysia secara amnya dan masyarakat luar bandar secara khususnya.

Program-Program E-Komuniti di Malaysia

Dalam memastikan jurang digital di negara ini dapat diperbaiki, kerajaan, selaras dengan program IT negara telah mencadangkan beberapa program bagi memastikan program ini berjaya. Banyak usaha dan dana yang diperuntukkan khas untuk usaha ini. Dalam Rancangan Malaysia kelapan satu daripada strategi pelaksanaan dasar ICT negara ialah melalui program e-komuniti.

Selaras dengan itu beberapa usaha dicadangkan di bawah program e-komuniti ini. Antaranya ialah penubuhan pusat komuniti ICT yang dirancang untuk melibatkan semua

lapisan masyarakat supaya agenda IT negara dapat dicapai. Terdapat pelbagai jenis program dan pusat komuniti negara yang ditubuhkan. Antaranya ialah program Unit Internet Bergerak (Mobile Internet Unit - MIU), program Internet desa, dan pusat komuniti IT.

Program Unit Internet Bergerak

Program ini adalah satu projek yang dilaksanakan di bawah program *e-learning*. Program ini memfokuskan kepada penyediaan komputer dan aplikasinya serta kemudahan Internet kepada penduduk luar bandar terutamanya kepada sekolah luar bandar. Antara ciri sekolah yang dipilih ialah sekolah yang tidak mempunyai kemudahan komputer, dan sekolah yang tidak tergolong dalam sekolah pintar.

Objektif utama program ini adalah untuk memperkenalkan kesedaran dan celik ICT di kalangan pelajar dan guru sekolah yang dipilih. Ia juga bertujuan memperkenalkan pengalaman kelas elektronik kepada peserta dan seterusnya menilai impak ICT terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. Unit bergerak ini dikendalikan oleh dua orang pada satu masa. Ia dilengkapi dengan sebuah bas yang menyediakan beberapa buah set komputer dan kemudahan Internet yang lengkap.

Projek ini pada mulanya diperkenalkan di negeri Selangor. Walau bagaimanapun, projek ini tidak diteruskan di lain-lain negeri atas sebab kekangan kewangan.

Info Desa (Medan Info Desa - MID)

Program yang dilaksanakan melalui kerjasamanya Institut Kemajuan Desa dengan Bahagian Sistem Maklumat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini dibangunkan untuk beroperasi sebagai pusat maklumat, latihan dan penggunaan komputer oleh penduduk desa. Maklumat yang ditempatkan di pusat ini adalah berkaitan dengan pendidikan, ekonomi desa, keagamaan, dan sebagainya.

Sebagai projek perintis beberapa buah kampung di pilih satu dari beberapa buah negeri. Antaranya Kampung Bujang, Kedah dan Kampung Kok Klang, Perlis dengan MID Kok Klang merupakan satu-satunya MID yang menawarkan program melatih belia dalam bidang kemahiran pemasangan komputer. Program latihan ini dibantu oleh tenaga pakar dari Universiti Utara Malaysia.

Secara amnya, program ini adalah satu program yang baik kerana berupaya untuk memberi kemudahan dan bimbingan kepada penduduk desa dengan tersedianya tempat latihan komputer, pusat maklumat serta kegiatan ekonomi. Walau bagaimanapun, atas kekangan sistem rangkaian dan sistem aplikasi yang belum dapat dibangunkan sepenuhnya kerana kekurangan tenaga pakar menyebabkan program ini tidak berfungsi sepenuhnya lagi.

Pusat Komuniti

Beberapa Pusat komuniti juga telah ditubuhkan di beberapa buah daerah di seluruh negara. Secara asasnya ia bertujuan untuk memberi pendedahan dan mengajar penduduk desa penggunaan komputer dan Internet. Pusat Pendidikan Komuniti Parlimen Kubang Pasu, Kedah merupakan satu contoh pusat komuniti di negara ini.

Kerajaan negeri Kedah dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia telah menubuh dan melaksanakan pusat ini yang terletak di Pekan Jitra, Kedah. Pusat ini menyediakan kemudahan untuk pembangunan pendidikan, ekonomi dan masyarakat. Ia berperanan sebagai pusat siber, khidmat masyarakat dan kaunseling masyarakat serta kaunseling pelajar.

Ia menyediakan modul dan perisian untuk kumpulan pengguna yang berbeza. Contohnya, modul sokongan pembelajaran bagi pelajar sejolah dan modul mencari maklumat untuk pembangunan diri bagi penduduk dewasa.

Laman Web e-komuniti

Selain daripada pusat komuniti secara fizikal, terdapat juga laman web e-komuniti yang dibangunkan contohnya laman web e-komuniti Kepala Batas dan e-komuniti Kulim. Ciri asas laman web ini adalah penempatan, e-rakan, ruang forum, dan ruang chat. Di samping itu ia juga menyediakan informasi mengenai peristiwa yang berlaku di sekitar kawasan dan beberapa pautan iklan mengenai perniagaan atau perkhidmatan yang terdapat di kawasan terbabit.

Lain-lain program pembangunan ICT

Selain daripada program pembangunan ICT yang telah dibincangkan, terdapat beberapa lagi model yang diperkenalkan kerajaan seperti KEMAS-IT-In-Touch, Internet Desa, Smart Masyarakat (SMASY), Kedai Komunikasi Rakyat atau Kedai.Kom, dan beberapa program atau pusat ICT lagi. Selain daripada itu, terdapat juga beberapa badan swasta yang turut bersama-sama menjayakan program e-komuniti untuk semua masyarakat khususnya untuk masyarakat di luar bandar.

Model Cadangan Perlaksanaan E-Komuniti

E-Komuniti merupakan satu projek inisiatif Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi (KTAK) dan di takrifkan sebagai suatu kumpulan orang yang berkongsi minat dan kepercayaan dalam menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sebagai suatu teras teknologi dalam interaksi dan transaksi harian untuk membaiki kehidupan secara signifikan. Antara objektif e-komuniti ialah untuk meningkatkan keupayaan persaingan, daya pengeluaran dan kreativiti; untuk mengekalkan ekonomi berasaskan perkhidmatan yang diperolehi daripada pengetahuan dan kemahiran ICT, dan untuk membina suatu asas pemeraksanaan sosio-ekonomi ke arah sebuah masyarakat sivil (Hasim et all 2005).

Terdapat pelbagai pendekatan dalam menjayakan program e-komuniti ini. Ini boleh diteliti melalui pelbagai projek yang telah diusahakan oleh agensi kerajaan sehingga kini. Kesemuanya memfokuskan kearah membudayaan ICT dalam kehidupan seharian. Ini bertujuan untuk membolehkan masyarakat keseluruhannya mempunyai kemahiran dalam bidang ICT.

Terdapat dua pendekatan utama dalam model cadangan ini iaitu manusia dan *telecenter*. Manusia merupakan faktor utama kerana pembangunan utama yang dilaksanakan adalah terhadap manusia. Faktor kritikal utama ialah manusia kerana manusialah yang menggunakan dan mendapat kebaikan daripada penggunaan ICT (www.bridges.org). Ini juga selaras dengan dasar IT negara yang menggariskan tiga pendekatan utama dalam ICT iaitu manusia, infostruktur dan aplikasi (Noor Sharifah, 2000). Terdapat lima kategori

utama iaitu kanak-kanak pra sekolah, pelajar sekolah rendah, pelajar sekolah menengah, remaja lepasan sekolah dan dewasa (ibu bapa).

Kanak-kanak pra sekolah dan pelajar sekolah rendah boleh di dedahkan dengan ICT supaya persekitaran tersebut bukan menjadi sesuatu yang asing bagi mereka. Mereka boleh di galakkan dan diajar menggunakan komputer untuk bermain (*computer games*), melayari Internet dan melakukan kerja sekolah mereka.

Pelajar sekolah menengah pula boleh mengambil kesempatan di *telecenter* ini dengan membuat tugas sekolah (jika ada kumpulan adalah lebih baik), membuat tutorial, membangunkan laman web, membuat kerjasama untuk tugas seperti matematik dan sains, menggunakan *courseware* CDROM, melayari Internet untuk mendapatkan pelbagai maklumat. Aktiviti ini akan dapat mengurangkan gejala sosial di mana semua aktiviti dilakukan dalam budaya terkawal.

Remaja lepasan sekolah juga boleh menjadikan *telecenter* ini sebagai tempat untuk mereka mendapatkan maklumat mengenai pelbagai perkara seperti kemahiran ICT, peluang pekerjaan, hiburan dan komunikasi.

Golongan dewasa pula (ibubapa) boleh mengambil bengkel kemahiran pemrosesan perkataan (*word processing*), lembaran kerja (*spreadsheets*) dan Internet. Setelah itu mereka akan melayari Internet untuk mencari pelbagai maklumat seperti melihat peluang pendidikan, peluang perniagaan dan berkomunikasi menggunakan e-mel.

Model kedua ialah *telecenter*. *Telecenter* ialah pusat di mana aktiviti pembelajaran dan pembudayaan ICT dijalankan. *Telecenter* boleh didefinisikan sebagai ruangan fizikal yang membenarkan individu, kumpulan-kumpulan komuniti dan organisasi membuat capaian terhadap ICT untuk pembangunan pendidikan, personal, sosial dan ekonomi (Haris 2001, /www.choike.org). Haris (2001) mendapati *telecenter* mampu menjadi satu hub komunikasi antara masyarakat dan mampu menjadi kaedah untuk mengurangkan jurang digital. *Telecenter* ini akan memberikan kemudahan kepada masyarakat terutama di luar bandar untuk membudayakan ICT dan untuk capaian maklumat yang lebih menyeluruh terhadap komuniti tersebut. Pembangunan *telecenter* ini telah banyak digunakan di kawasan luar bandar terutamanya seperti di India, Mozambique, Senegal, South Africa, Uganda (Haris 2001), Taiwan, dan Thailand. Beberapa isu penting dalam perlaksanaan *telecenter* ini ialah pihak pelaksana, sumber pembiayaan, kemudahan dan perkhidmatan, dan sasaran pengguna.

Pihak Perlaksana

Antara pihak yang perlu diberi tanggungjawab untuk melaksanakan *telecenter* ini ialah kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), dan pihak swasta (syarikat pembekal ICT dan telekomunikasi). Pertubuhan antarabangsa juga boleh menjadi pelaksana seperti UNESCO, APEC dan Bank Dunia.

Sumber Pembiayaan

Pertubuhan antarabangsa boleh membiayai *telecenter* yang besar di mana ia digunakan oleh lebih ramai masyarakat setempat. Kerajaan, NGO dan syarikat swasta boleh membiayai *telecenter* yang berskala sederhana dan kecil.

Kemudahan dan Perkhidmatan

Kemudahan-kemudahan yang ada di *telecenter* perlulah sejajar dengan hasrat yang ingin supaya masyarakat dapat menggunakan kemudahan di satu tempat. (Byfield, 2004). Kemudahan yang ada adalah seperti ruangan sosial yang selesa untuk keluarga, komputer berangkaian (Internet) dan pelayan (*server*), telefon, mesin fax, mesin Photostat, perpustakaan mini, surau dan CD pembelajaran interaktif.

Perkhidmatan yang boleh ditawarkan adalah seperti kaunseling remaja dan keluarga, kaunseling kerjaya, ruangan untuk menghebahkan aktiviti setempat dan ruangan iklan untuk pelbagai perkara seperti peniagaan dan peluang pekerjaan di kawasan tersebut.

Sasaran Pengguna

Kawasan luar bandar yang mempunyai penduduk melebihi 600 orang dan kawasan pinggir bandar. Tumpuan khusus perlu diberikan kepada pelajar sekolah, orang kurang upaya, petani dan wanita.

Penggunaan *Telecenter* di Malaysia belum meluas dan tiada modul yang khusus yang ditujukan kepada pengguna sasaran tertentu. Pusat yang wujud adalah seperti kelas yang perlu dihadiri oleh pelajar. Oleh itu perlu wujudnya satu model *telecenter* yang mesra pengguna di mana bukan sahaja pengguna dapat menggunakan kemudahan dan capaian kepada ICT tetapi ia juga menjadi tempat perbincangan yang dapat memupuk semangat kekeluargaan dalam membentuk integrasi nasional dan perpaduan masyarakat. Pelaksanaan ini akan mewujudkan *telecenter* yang akan secara signifikan meningkatkan pencapaian akademik para pelajar, pengkayaan budaya dan sosial untuk kanak-kanak dan remaja dan menyediakan peluang untuk peningkatan pendidikan, capaian perkhidmatan, komunikasi sosial, pekerjaan, karier, dan peluang perniagaan untuk orang dewasa.

Kesimpulan

Jurang digital adalah masalah yang sentiasa akan wujud bersama inovasi teknologi yang digarap oleh sesuatu masyarakat. Kewujudannya akan berubah mengikut masa dan tahap kepesatan teknologi yang di terapkan dalam masyarakat tersebut. Ia telah di andaikan sebagai adalah masalah global yang perlu diatasi dengan kerjasama daripada pelbagai pihak. Kerajaan, pihak swasta, NGO, pertubuhan antarabangsa dan individu-individu sendiri perlu bekerjasama bagi mengatasi masalah ini. Jika diabaikan, kemajuan sesebuah negara akan menjadi lambat kerana wujudnya ketidakseimbangan dan dikhuatiri boleh mewujudnya masalah sosial yang lebih kronik. Manusia perlu diberikan tumpuan yang khusus dalam menangani isu jurang digital ini kerana merekalah pengguna dan penerima kesan akibat penggunaan teknologi. Penggunaan *telecenter* mungkin merupakan jawapan kepada permasalahan ini di mana ia membolehkan masyarakat membudayakan ICT dan kehidupan mereka. Langkah ini mungkin satu cara agar masalah kewujudan jurang digital ini dapat diminimalkan.

Rujukan

Byfield, T (2004) Thoughts on the *telecenter* as a model for ICT deployment in the rural "South". draft [02] memo for the Social Sciences Research Council.
http://www.ssrc.org/programs/itic/publications/knowledge_report/memos/byfieldmemo1.pdf

- Haris, R (2001) *Telecentres in Rural Asia: Towards a Success Model* , Conference Proceedings of International conference on Information Technology, Communications and Development (ITCD 2001), November 29-30, 2001,
- Hasim, M.S, Abdul Razak, N. & Abdullah M.S. (2005), *Perkembangan Komuniti Elektronik di Malaysia: Ke Mana Akhirnya?*
http://pkukmweb.ukm.my/~ekomuniti/dokumen/Kertas_E-Komuniti_for_SKIMIX.doc
- Noor Sharifah, (2002). *Perancangan Pusat Ict Bagi Masyarakat Luar Bandar Di Semenanjung Malaysia*
- Royal D. Colle & Raul Roman1 (2001), *Challenges In The Telecenter Movement*, ICA-IAMCR Conference on the Digital Divide, University of Texas, Austin, November 15-17, 2001.
- Selwyn, N. (2000) *Defining the 'Digital Divide': Developing a Theoretical Understanding of Inequalities in the Information Age*
- Steyaert, J. (2002). *Inequality and the digital divide: myths and realities*. In S. Hick & J. McNutt (Eds.), *Advocacy, activism and the internet* (pp. 199-211). Chicago: Lyceum Press.
- http://ctc.aspira.org/About_us.html
<http://www.bridges.org>.